



ORANG ramai melewati kawasan lubang benam di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Lubang benam: Baik pulih perlu tiga ke enam bulan

**Oleh NURAINA HANIS
ABD. HALIM dan AIDIEL ZABIDI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pembaikan semula lubang benam di Jalan Masjid India yang menyebabkan wanita warga India terjatuh ke lurang kumbahan pada 23 Ogos lalu mengambil masa tiga ke enam bulan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd. Sharif berkata, dalam tempoh tersebut orang ramai yang berada berhampiran tapak membaik pulih perlu mengikut arahan dan memberi kerjasama kepada DBKL.

“Dalam tempoh tersebut janganlah melintasi kawasan kawalan dan kawasan pembaikan untuk keselamatan semua,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu media melaporkan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengadakan perbincangan dengan DBKL mengenai butiran terperinci membabitkan kawasan tersebut.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizme Affendy Sulaiman dilaporkan berkata, perbincangan itu dilakukan semalam bagi DBKL memberikan butiran lanjut berkaitan kawasan-kawasan yang akan terlibat untuk kerja-kerja pembaikan.

Sementara itu, tinjauan mendapati suasana di Masjid India di sini belum pulih sepenuhnya

apabila kawasan tersebut tidak semeriah seperti sebelum kejadian.

Selain polis, kakitangan DBKL turut kelihatan di kawasan kejadian untuk melaksanakan tugas masing-masing di sekitar kawasan itu..

Dalam pada itu, peniaga barangan tekstil, Siti Aisha Salvador berkata, dalam tempoh mencari dan menyelamatkan (SAR) perniagaannya rugi 70 peratus kerana Jalan Masjid India ditutup dengan penghadang.

“Lokasi perniagaan saya hanya 50 meter dari lokasi kejadian tanah jerlus tersebut dan bernasib baik kedai saya tidak diarah tutup, namun apabila sepanjang Jalan Masjid India ditutup dengan penghadang serta pita dilarang masuk, perniagaan saya terjejas sebab orang tidak lalu di sini.

“Saya berasa lega apabila operasi SAR dihentikan kerana dapat merencanakan kembali perniagaan peniaga di sini. Sejak pukul 3 petang tadi (semalam), bilangan jualan naik 10 peratus daripada hari-hari sebelumnya,” katanya.

Sabtu lalu, operasi mencari Vijaya Lakshmi, 48, dihentikan atas faktor keselamatan pasukan SAR.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, tindakan selanjutnya di lokasi kejadian tanah jerlus di Masjid India di sini akan diteruskan dengan proses pemulihan.